

16/04/2002

AS akui Malaysia simbol kestabilan

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Amerika Syarikat menganggap Malaysia sebagai lambang kestabilan di rantau ini dan memainkan peranan penting dalam perang global terhadap keganasan.

Penolong Setiausaha Hal Ehwal Pasifik dan Asia Timur, Amerika Syarikat, James A. Kelly berkata sejak enam bulan lalu, Amerika puas hati dengan sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan dan rakyat Malaysia terhadap usaha antarabangsa membanteras keganasan.

"Kami mahu memperkukuhkan lagi kerjasama kami dalam perkara ini dan mencergaskan lagi hubungan dua hala keseluruhannya," katanya pada majlis taklimat media di kedutaan Amerika di sini mengenai hasil lawatannya ke Malaysia.

Beliau berkata Amerika gembira kerana Dr Mahathir menerima jemputan Presiden George W. Bush untuk melawat Washington daripada 13 hingga 15 Mei dan kedua-dua pemimpin dalam pertemuan mereka pastinya akan membincangkan pelbagai isu dua hala dan global.

Semasa lawatan beliau di sini, Kelly yang menyifatkannya sebagai 'amat produktif' mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir, beberapa pemimpin kerajaan dan pakar dalam hal ehwal kerajaan serta masyarakat perniagaan Amerika.

Beliau berkata kedua-dua negara tidak mempunyai agenda tertentu dalam lawatan Dr Mahathir ke Amerika, sebaliknya kedatangan Perdana Menteri ke Washington adalah satu penghargaan dan ucapan terima kasih Presiden Amerika terhadap kesungguhan negara menangani isu keganasan.

Beliau berkata, lawatan itu mempunyai matlamat besar di mana membabitkan lebih banyak peluang perniagaan dan kerjasama selanjutnya dari segi keselamatan.

"Ia juga satu ucapan terima kasih (daripada Pentadbiran Amerika) kepada pemimpin tertentu dalam usaha dunia menentang keganasan, lebih-lebih lagi dalam kenyataan Dr Mahathir pada sidang OIC (Pertubuhan Negara Islam) lalu mengenai apa yang dikatakannya sifat keganasan yang mana fakta yang sama turut disebut Presiden Bush dalam draf ucapannya pada musim gugur lalu di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya.

Kelly ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan kerjasama ditunjukkan negara di rantau Asia Tenggara dalam menentang keganasan berkata, pihaknya sangat puas hati dengan semua tindakan diambil negara terbabit.

(END)